

# Minat sertai sukarelawan bawa tuah

**Nibong Tebal:** Minat menyertai aktiviti sukarelawan seawal usia enam tahun membawa tuah kepada seorang pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) apabila terpilih sebagai penerima Anugerah Menteri Pendidikan 2014.

Ju Ariana Ibrahim, 24, pelajar Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian, diumumkan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2014 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) di Transkrian dekat sini, malam kelmarin.

Malah, anak bongsu daripada

lapan beradik itu juga diumumkan sebagai Tokoh Sukarelawan Siswa 2014.

## Minat mendalam

Ju Ariana berkata, beliau mengikuti aktiviti sukarelawan dalam persatuan yang diceburi kerana minat namun tidak menyangka pembabitan aktif itu memberi peluang kepadanya untuk mengenggam anugerah itu.

Katanya, harapannya untuk menjadikan anugerah itu sebagai inspirasi serta mencetuskan minat dalam kalangan pelajar universiti khususnya UniSZA untuk



membabitkan diri dengan aktif dalam aktiviti persatuan.

“Pembabitan aktif dalam aktiviti persatuan sering kali dianggap akan mengurangkan prestasi pelajaran namun, sangkaan itu ternyata tidak benar.

“Sehingga kini, saya dapat mengekalkan keputusan cemerlang

biarpun aktif dengan aktiviti sukarelawan,” katanya ketika ditemui selepas majlis berkenaan.

Ju Ariana berkata, kejayaan yang diperoleh itu membuktikan pembabitan pelajar dalam persatuan tidak sama sekali menjadi penghalang untuk mendapatkan keputusan cemerlang.

Beliau berkata, ia mampu dilaksanakan dengan baik sekiranya fokus dan matlamat sebagai seorang pelajar jelas dalam diri setiap individu.

Pelajar berasal dari Klang itu membawa pulang hadiah trofi, wang tunai RM3,000 dan sebuah motosikal Modenas.

Idris (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Menteri Pendidikan yang dimenangi Ju Ariana (dua dari kanan) pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2014 di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) Nibong Tebal, semalam.  
[FOTO DANIAL SAAD/BH]